

Headline	Malaysia hasilkan ubat penyakit terabai		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Nov 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	425 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 966
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,898



# Malaysia hasilkan ubat penyakit terabai

ROHANI IBRAHIM

Walaupun Tripanosomiasis Afrika Manusia, Chagas, HIV Paediatric, Leishmaniasis dan Malaria merupakan penyakit yang membawa morbiditi dan meragut nyawa berjuta-juta manusia di negara mundur, namun ia tergolong sebagai penyakit yang tidak diberi perhatian dari segi penghasilan ubat untuk merawatnya.

Oleh kerana penghasilan ubat berkesan memerlukan kos dan sumber yang mahal, maka kebanyakan penggiat farmaseutikal keberatan untuk mengeluarkan ubat bagi penyakit itu, lebih-lebih lagi apabila mereka menyedari bahawa ia hanya diperlukan di negara miskin - Asia, Afrika Sub-Sahara dan Amerika Latin.

Sebenarnya, penyakit terabai ini menyebabkan ramai manusia hidup menderita. Ia juga meragut lebih setengah juta nyawa setiap tahun, manakala berjuta-juta orang yang terselamat daripada maut akibatnya pula akan cacat, terbantut tumbuseran, mengalami gangguan teruk ketika hamil dan berkurangan daya reproduktif.

## PERANAN PENTING MALAYSIA

Oleh itu, untuk menyelamatkan umat manusia daripada petaka akibat penyakit terabai ini, sekumpulan negara dan pihak yang prihatin, mengasaskan penubuhan sebuah badan dikenali sebagai Drugs for Neglected Diseases Initiative (DNDi) pada 2003.

Malaysia adalah antara anggota pengasas DNDi bersama Medicins San Frontiers (Doctors without Borders), Oswaldo Cruz Foundation (Brazil), Institut Penyelidikan Perubatan Kenya, Institut Penyelidikan Perubatan India, Institute Pasteur France dan Program Khas bagi Penyelidikan dan Latihan Mengenai

Penyakit Tropika Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO/TDR).

Sebagai pertubuhan penyelidikan dan pembangunan yang bukan bertujuan mencari keuntungan dan ditubuh berlandaskan gandingan sektor awam dan swasta, matlamat DNDi adalah untuk menghasilkan ubat yang selamat, berkesan dan berharga patut untuk merawat penyakit yang melanda kumpulan penduduk yang paling diabaikan di dunia.

Baru-baru ini, Malaysia dan beberapa negara anggota pengasas pertubuhan itu diberi penghormatan menjayakan acara sambutan selama setahun bagi memperingati kejayaan yang dicapai DNDi sepanjang satu dekad kewujudannya.

Bercakap kepada Bernama di majlis pelancaran sambutan itu pada Oktober, bekas ketua pengarah kesihatan Malaysia, Tan Sri Mohd Ismail Merican, yang juga anggota pengasas DNDi, berkata memandangkan pejabat eksekutif utama pertubuhan itu terletak di Geneva, maka Malaysia, melalui Universiti Sains Malaysia (USM), menjadi hos bagi pejabat DNDi di rantau Asia.

Pada majlis sambutan itu di Kuala Lumpur, DNDi menonjolkan kejayaan yang dicapai dalam tempoh satu dekad penubuhannya dengan melancarkan ubat baharu anti-malaria dikenali sebagai Artesunate-Mefloquine (AS-MQ FDC).

## DNDi-PENYELAMAT GOLONGAN MISKIN

Penghasilan ubat itu dianggap kejayaan besar dalam usaha membasmi malaria, antara penyakit terabai yang masih menjadi anjakan utama terhadap kesihatan manusia.

DNDi menyatakan bahawa malaria mengancam kehidupan lebih kurang 3.3 bilion manusia - separuh daripada jumlah penduduk dunia yang tinggal di 106 negara.

Pada majlis pelancaran itu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata kombinasi dos tetap AS-MQ FDC merupakan inisiatif terkini dalam usaha membasmi malaria di negara miskin.

“Ubat ini dicipta melalui satu model gandingan unik di mana para penyelidik dari Brazil, Perancis, United Kingdom, Thailand dan Malaysia, melalui Universiti Sains Malaysia (USM) dan Institut Penyelidikan Perubatan, menyumbang kepada penghasilannya.

“Ini suatu contoh jelas tentang Kerjasama Selatan-Selatan dan saya gembira kerana di Malaysia, kami dapat memainkan peranan penting dalam menghasilkan produk baharu ini, yang diluluskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk merawat malaria.

“Saya percaya ini merupakan produk pralayak pertama oleh WHO, di mana data penyelidikan Malaysia memberi sumbangan besar kepada dosier kawal selia,” katanya.

## PENGUBATAN INOVATIF DNDi

Rawatan menggunakan AS-MQ FDC memerlukan pesakit malaria mengambil satu tablet setiap hari selama tiga hari. Ini lebih memudahkan berbanding rawatan malaria sedia ada yang memerlukan pesakit mengambil lebih daripada satu tablet selama 14 hari.

Liow berkata Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan bukan sahaja memberi kelulusan terhadap produk berkenaan, malah memainkan peranan penting bagi memu-

dahkan pendaftaran AS-MQ FDC di negara anggota Asean.

Sementara itu, DNDi menyatakan bahawa AS-MQ FDC menawarkan terapi yang mudah diikuti serta berkesan oleh penghidap malaria bebas komplikasi di kawasan yang disyorkan penggunaan kombinasi AS dan MQ.

Diiringi diagnosis dan alat kawalan vektor, ubat berkenaan merupakan unsur utama dalam menentang malaria.

Menurut DNDi, kini AS-MQ FDC diguna untuk merawat lebih separuh kes malaria di Brazil.

## MALARIA DI MALAYSIA

Mengenai keadaan malaria di Malaysia pula, Liow berkata negara ini berjaya mengurangkan kes penyakit itu daripada 318.6 per 100,000 orang pada 1980 kepada 18.6 per 100,000 orang pada tahun lepas.

“Bagaimanapun, kami sedar tentang potensi ancaman dan cabaran terhadap usaha untuk membasmi sepenuhnya penyakit ini, termasuk jenis malaria yang terdapat di negara jiran, khususnya jenis yang kebal terhadap pelbagai ubat dari Myanmar dan Thailand.”

“Lebih kurang 21.9 peratus daripada kes pada 2011 merupakan kes yang dibawa masuk. Kebanyakan kawasan bebas malaria di luar bandar masih terdedah kepada serangan penyakit itu berikutan kehadiran vektor nyamuk. Kami harap dengan adanya rawatan menggunakan kombinasi dos tetap baharu ini, kami mampu mencapai kadar kejayaan lebih besar dalam merawat penyakit ini,” katanya.

Liow juga memuji komitmen mendalam dan sumban-

Headline	Malaysia hasilkan ubat penyakit terabai		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Nov 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	425 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 966
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,898

gan penting DNDi dalam dalam melaksanakan usaha  
usaha merawat dan menga- mulianya meningkatkan  
wal penyakit terabai di neg- kualiti kehidupan penduduk  
ara miskin. di negara paling miskin di  
Kerajaan Malaysia akan dunia, katanya.  
terus menyokong DNDi – Bernama